

Rumah terapung jadi alternatif di kawasan banjir

BATU PAHAT: Kumpulan penuntut Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) Pengurusan Kreativiti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menghasilkan rumah terapung sebagai alternatif kepada masyarakat yang sering menghadapi masalah banjir sekali gus mengelakkan mereka menanggung kerugian akibat bencana itu.

Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) UTHM, Dr. Lutfan Jaes berkata, perkongsian ilmu oleh penuntut berkenaan adalah permulaan untuk menghasilkan suatu produk yang boleh

dikomersialkan kepada pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta masyarakat bagi mewujudkan sebuah pemimpinan selamat di kawasan yang sering dilanda banjir.

Bagaimanapun katanya, perkara itu perlu diperincikan dengan lebih jelas setiap bahagian dan sistem dalam model perumahan berkenaan supaya mencapai tahap dan tujuan pembinaannya.

“Projek ini memberi tumpuan terhadap inovasi reka bentuk dan fungsi rumah terapung bagi menghindari kerrosakan rumah ketika banjir,” katanya di sini semalam.



LUTFAN Jaes (tiga dari kiri) mendengar penerangan tentang peranan dan fungsi rumah terapung yang diperkenal kumpulan penuntut Kursus Kokurikulum Berkredit Pengurusan Kreativiti, UTHM, Johor.

10 Feb m/s 30 UM